

## FAKULTI PENGAJIAN ISLAM (FIS), UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) : KE ARAH MEMPERKASAKAN PENGAJIAN ISLAM DI SABAH

**FACULTY OF ISLAMIC STUDIES, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(FIS): TOWARDS STRENGTHENING ISLAMIC STUDIES IN SABAH**

**Habibah @ Artini Ramlie<sup>1</sup>**

**Mohd Dahlam A. Malek<sup>2</sup>**

**Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin<sup>3</sup>**

**Syamsul Azizul Marinsah<sup>4</sup>**

**Amer Hudhaifah Hamzah<sup>5</sup>**

**Dg. Hafizah Ag. Basir<sup>6</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mail: habibah\_artini@ums.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mail: dahlaman@ums.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia,(E-mail: mnhidayath\_h@ums.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mail: syamsulazizul@ums.edu.my)

<sup>5</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mail: amerukun@ums.edu.my)

<sup>6</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mail: dhafizah@ums.edu.my)

### Article history

**Received date** : 11-11-2023

**Revised date** : 19-11-2023

**Accepted date** : 7-3-2024

**Published date** : 15-4-2024

### To cite this document:

Ramlee, H., A. Malek, M. D., Hasbollah Hajimin, M. N. H., Marinsah, S. A., Hamzah, A. H., & Ag. Basir, D. H. (2024). Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS): Ke arah memperkasakan pengajian islam di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 334 – 342.

**Abstrak :** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertekad menjadi sebuah universiti bertaraf dunia dengan misi menjadi universiti yang mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai ilmu. Tujuannya adalah untuk memenuhi keperluan pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, khidmat masyarakat dan keseimbangan pengkhususan ilmu serta keperibadian pelajar. Ia bagi menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat serta negara. Dalam bidang Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengorak langkah dengan menubuhkan Fakulti Pengajian Islam (FIS) bagi menyahut seruan semasa. Objektif penulisan ini adalah memperihalkan sejarah penubuhan Fakulti Pengajian Islam (FIS) ke arah memperkasakan bidang Pengajian Islam di Sabah. Kajian dilakukan secara kualitatif menerusi analisis dokumen yang berkaitan. Dapatan menunjukkan penubuhan Fakulti Pengajian Islam (FIS) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah relevan dengan keperluan masa kini. Keunikan program menunjukkan penubuhan Fakulti Pengajian Islam (FIS) begitu signifikan demi masa depan graduan yang bakal dihasilkan, jaringan kerjasama industri-universiti serta kelestarian bidang Pengajian Islam pada masa hadapan di Sabah khasnya dan Malaysia secara umumnya.

**Kata Kunci:** Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pengajian Islam.

**Abstract :**Universiti Malaysia Sabah is determined to become a world-class university with the mission of achieving scholarly excellence in various fields. Its aim is to meet international recognition requirements through teaching and learning, research, publication, community service, and a balanced specialisation of knowledge and student personality. It is to generate high productivity and quality within the environmental context and the community- and national-development aspiration context. In the field of Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah takes a proactive step by establishing the Faculty of Islamic Studies in response to current demands. The objective of this writing is to outline the history of the establishment of the Faculty of Islamic Studies towards strengthening the field of Islamic Studies in Sabah. The study is conducted qualitatively through the analysis of relevant documents. The findings indicate that the establishment of the Faculty of Islamic Studies at Universiti Malaysia Sabah is relevant to current needs. The uniqueness of the programme demonstrates that the establishment of the Faculty of Islamic Studies is highly significant for future graduates, industry-university collaboration network, and the sustainability of Islamic Studies in the future, particularly in Sabah and, more broadly, in Malaysia.

**Keywords :** Faculty of Islamic Studies (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Islamic Studies

---

### Pengenalan

Penawaran program Pengajian Islam di Malaysia dibangunkan berdasarkan asas-asas yang kukuh iaitu aspek perundangan yang menetapkan Islam sebagai Agama Persekutuan, kedudukan Yang Dipertuan Agong dan Raja-Raja Melayu, peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Akta Pelajaran 1961 berkaitan Pengajaran Agama Islam, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam (MKI), Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Kerangka Ilmu (*body of knowledge*) bidang pengajian Islam terbahagi kepada dua jenis iaitu bidang pengajian Islam teras (pengajian Islam klasik) dan bidang pengajian Islam kontemporari. Bidang pengajian Islam teras memberi tumpuan kepada program Pengajian Islam teras yang bertujuan melahirkan graduan yang mahir dalam bidang pengajian Islam seperti Sarjana Muda Syariah, Usuluddin dan Pengajian Islam. Manakala bidang Pengajian Islam kontemporari memberi tumpuan kepada program Pengajian Islam yang bertujuan melahirkan graduan yang mahir dalam bidang pengajian Islam kontemporari seperti Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam, Sarjana Muda Pengurusan Halal dan lain-lain. Kategori subjek yang ditekankan dalam kedua-dua bidang pengajian berkenaan adalah meliputi Aqidah, Bahasa Arab, ‘Ulum al-Quran, ‘Ulum al-Hadith, Fiqh dan Usul Fiqh, Akhlak dan Tasawwuf, Hafazan Quran dan Hadith, Sirah Nabawiyah dan Da’wah. Ia dilengkapi dengan kursus-kursus yang menekankan Kemahiran Teknologi Maklumat dan Digital, Kemahiran Pengurusan dan Keusahawanan, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah serta Kemahiran Berkommunikasi (Muhammad Nasri, Wan Kamal, Muhammad Ridhwan, Noor Shakirah, Adlina, & Mohd. Adib, 2023).

Dalam *Kajian Impak dan Hala Tuju Program Akademik Bidang Pengajian Islam 2020-2025* yang dilaksanakan oleh Muhammad Nasri et al. dengan kerjasama Dekan-Dekan Pengajian Islam IPTA dan IPTS (2023), sehingga kini terdapat 15 universiti awam yang menawarkan program berkaitan Pengajian Islam iaitu :

1. Universiti Malaya (UM)
2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3. Universiti Islam Antarabangsa (UIA)
4. Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza)
5. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
6. Universiti Utara Malaysia (UUM)
7. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
8. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
9. Universiti Putra Malaysia (UPM)
10. Universiti Sains Malaysia (USM)
11. Universiti Malaysia Pahang (UMP)
12. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
13. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
14. Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)
15. Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Manakala di universiti swasta, terdapat 5 institusi yang menawarkan program berkaitan Pengajian Islam iaitu :

1. Universiti Sultan Abdul Halim Muazam Shah (Unishams)
2. Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
3. Universiti Antarabangsa Al-Madinah (MEDIU)
4. Universiti Terbuka Malaysia/Open University Malaysia (OUM)
5. Asia E University-Kuala Lumpur

### **Sejarah Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)**

Penubuhan Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah diluluskan oleh Senat Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi mesyuarat ke-182 Bil 1 : 2021 pada 21 Februari 2021. Pada 23 Mac 2021 - Mesyuarat Lembaga UMS kali ke- 98 Bil: 3/2021 telah meluluskan penubuhan Fakulti Pengajian Islam (FIS). Seterusnya pada 10 Mei 2021, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperakulkan penubuhan Fakulti Pengajian Islam (FIS) [No. Rujukan: JPT.S(G)2000/016/06/ 015 (13)].

Berlokasi di Aras 4, Blok A, Bangunan Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Fakulti Pengajian Islam (FIS) berhasrat menjadi peneraju dalam melahirkan graduan yang berketerampilan dan berminda global berpaksikan keimanan, ketakwaan, berakhhlak mulia serta holistik. Misi fakulti adalah menjadikan Fakulti Pengajian Islam (FIS) berperanan dalam memartabatkan ilmu-ilmu Islam serta memangkinkan ilmu akademik tradisi dan kontemporer berteraskan Al-Quran dan Al-Hadis di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Justeru Fakulti Pengajian Islam (FIS) berhasrat ingin melahirkan Profesional Islam yang;

- i. berpengetahuan khusus mengenai ilmu-ilmu Pengajian Islam dan berkeupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan tersebut dalam kehidupan harian;
- ii. berkemahiran menyelesaikan isu-isu kontemporer berkaitan Pengajian Islam melalui latihan bersepadu sejajar dengan perkembangan ilmu dan teknologi semasa;
- iii. beretika dalam sektor pentadbiran, perkhidmatan, perundangan, pengurusan dan pendidikan dengan mengambil kira keperluan dan perkembangan masyarakat dan negara;
- iv. pakar dalam ilmu-ilmu Pengajian Islam agar lebih aktif memberi sumbangan ilmu dan penyelidikan kepada masyarakat dan negara.

Pada masa ini, Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) diterajui oleh YBhg. Prof. Dr. Hj. Mohd. Dahlan Hj. A. Malek selaku Dekan Fakulti dengan tenaga pengajar seramai 27 orang pensyarah Pengajian Islam pelbagai bidang.

### **Program yang ditawarkan di Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)**

Fakulti Pengajian Islam (FIS) menawarkan satu program prasiswazah iaitu Program Pendarasan Islam. Program ini telah menerima perakuan akreditasi penuh dari pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kod MQA/FA8571 pada 25 Februari 2022. Latar belakang program prasiswazah Program Pendarasan Islam bermula pada sesi 2017/2018 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Apabila Fakulti Pengajian Islam (FIS) ditubuhkan pada 10 Mei 2021, Program Pendarasan Islam berpindah ke Fakulti Pengajian Islam (FIS). Kohort pertama graduan Program Pendarasan Islam telah bergraduat pada tahun 2021. Dua program lain yang akan ditawarkan dalam masa terdekat adalah Program Syariah dan Usuluddin kerana kedua-dua program ini telah mendapat kelulusan Perakuan Akreditasi Sementara (PAS) dari pihak MQA, KPT pada 12 Disember 2023.

Fakulti Pengajian Islam (FIS) juga menawarkan kursus-kursus peringkat pascasiswazah. Program pascasiswazah Fakulti Pengajian Islam (FIS) bermula pada tahun 2007 dengan penawaran program Diploma Pascasiswazah Pengajian Islam di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dan diikuti dengan penawaran program Sarjana & Doktor Falsafah Pengajian Islam secara penyelidikan di PPIB pada tahun 2010. Apabila Fakulti Pengajian Islam (FIS) ditubuhkan, program pascasiswazah daripada PPIB berpindah ke Fakulti Pengajian Islam (FIS) pada 16 Ogos 2022. Dua program yang ditawarkan adalah Sarjana Sastera (Pengajian Islam) dan Doktor Falsafah Kemanusiaan (Pengajian Islam) secara mod penyelidikan.

Fakulti Pengajian Islam (FIS) turut menawarkan satu program pensijilan iaitu Program Profesional Huffaz Al-Quran (PHQ). Program Profesional Huffaz Al-Quran (PHQ) adalah program kerjasama antara Fakulti Pengajian Islam (FIS) dan Pusat Islam, Universiti Malaysia Sabah (PIUMS) yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.5/2023 kali ke-341 UMS pada 7 Mac 2023 mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Senat Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi pelaksanaan Sijil Tahfiz Profesional UMS dan Mesyuarat Senat (Sidang 1) Bil.2/2023 Kali Ke-195 UMS pada 24 Mei 2023 telah bersetuju Program Sijil Tahfiz Profesional dengan kerjasama Pusat Islam, Universiti Malaysia Sabah (PIUMS) untuk dilaksanakan. Program ini bertujuan melahirkan graduan universiti yang profesional dan berupaya menjadi seorang Huffaz (penghafal) al-Quran seterusnya berakhlik dan berinteraksi dengan al-Quran sebagai panduan dalam kerjaya dan kehidupan. Jumlah pelajar ambilan pertama adalah seramai 14 orang dari kalangan pelajar-pelajar asasi Universiti Malaysia Sabah (UMS).

### **Kaedah Penyampaian Pengajaran : Ke Arah Memperkasakan Pengajian Islam**

Dalam aspek kaedah penyampaian pengajaran, Fakulti Pengajian Islam (FIS) menngadaptasi pendekatan terkini untuk memperkasakan ilmu-ilmu Pengajian Islam itu sendiri. Hal ini kerana dunia kini berdepan dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan teknologi baharu, data raya, kecerdasan buatan serta elemen-elemen lain yang agak asing dan berbeza dengan tradisi Pengajian Islam. Transformasi pendidikan berdasarkan IR 4.0 merujuk kepada deskripsi pelbagai cara bagi mengintegrasikan teknologi siber dan teknologi automasi sama ada secara fizikal atau hibrid ke dalam pembelajaran (Sigit, 2018). Perkara ini menjadi faktor pencetus agar ledakan teknologi baharu perlu diadaptasi oleh semua pihak. Selain dari memenuhi

keperluan semasa, kursus-kursus Pengajian Islam di pusat pengajian tinggi harus disampaikan dengan pendekatan yang selari dengan perkembangan terkini ke arah memperkasakan institusi pengajian Islam.

Sebagai langkah awal, ia perlu dimulakan dengan penyampaian kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Seperti yang diketahui, kemajuan teknologi digital dalam era globalisasi yang merentas pelbagai peringkat telah memberi manfaat dalam bidang pendidikan apabila penggunaan peranti mudah dalam pengajaran dan pembelajaran mampu mewujudkan pembelajaran atas talian. Fakulti Pengajian Islam (FIS) mengaplikasi konsep Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) sebagai kesediaan untuk mengadaptasi Revolusi IR 4.0 menerusi kepelbagaian kaedah pengajaran yang bersifat kontemporari termasuk yang melibatkan aplikasi teknologi maklumat dan digital. Pembelajaran Teradun merupakan gabungan di antara pembelajaran secara konvensional dan pembelajaran dalam talian. Terdapat tiga jenis Pembelajaran Teradun iaitu :

- i. Pembelajaran Teradun - Merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod dalam talian dan mod pembelajaran bersemuka secara fizikal dengan 30% - 80% kandungan dan aktiviti kursus dikendalikan secara dalam talian sama ada untuk menyokong atau menggantikan pembelajaran bersemuka
- ii. Pembelajaran Teradun Sokongan - Merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod dalam talian dan mod pembelajaran bersemuka secara fizikal dengan 30% - 80% kandungan dan aktiviti kursus dikendalikan secara dalam talian untuk menyokong pembelajaran bersemuka.
- iii. Pembelajaran Teradun Gantian - Merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod dalam talian dan mod pembelajaran bersemuka *onsite* dengan 30% - 80% kandungan dan aktiviti kursus dikendalikan secara dalam talian untuk menggantikan pembelajaran bersemuka.

**Jadual 1: Pembelajaran Teradun**

Definisi	Pendekatan	Peratus kandungan	Pengendalian
<b>Pembelajaran Teradun</b>	Campuran pendekatan : <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pembelajaran mod <b>dalam talian</b>; dan</li> <li>ii. mod pembelajaran <b>bersemuka secara fizikal</b></li> </ol>	30% - 80% kandungan	Aktiviti kursus dikendalikan secara dalam talian sama ada : <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <b>menyokong</b> pembelajaran bersemuka; atau</li> <li>ii. <b>menggantikan</b> pembelajaran bersemuka</li> </ol>
<b>Pembelajaran Teradun Sokongan</b>	Campuran pendekatan : <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pembelajaran mod <b>dalam talian</b>; dan</li> <li>ii. mod pembelajaran <b>bersemuka secara fizikal</b></li> </ol>	30% - 80% kandungan	Aktiviti kursus dikendalikan secara dalam talian untuk <b>menyokong</b> pembelajaran bersemuka
<b>Pembelajaran Teradun Gantian</b>	Campuran pendekatan : <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pembelajaran mod <b>dalam talian</b>; dan</li> <li>ii. mod pembelajaran <b>onsite</b></li> </ol>	30% - 80% kandungan	Aktiviti kursus dikendalikan secara dalam talian <b>menggantikan</b> pembelajaran bersemuka

Sumber : Jabatan Pendidikan Tinggi (2019)

Kesemua pendekatan ini memanfaatkan teknologi maklumat dan digital yang disepadukan dengan pelantar *Learning Management System* (LMS) untuk memberi nilai tambah kepada pembelajaran khususnya profil keterlibatan dan kemajuan pelajar berasaskan maklumat. Ia adalah satu kaedah transformasi pembelajaran seiring kemajuan teknologi terkini yang dapat mempertingkatkan potensi diri dan kreativiti pelajar dalam proses menuntut ilmu. Dalam melaksanakan pendekatan ini di Fakulti Pengajian Islam (FIS), antara elemen yang ditekankan mengikut garis panduan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (2019) adalah :

i. Bahan pembelajaran dalam talian

Sumber pembelajaran disediakan secara dalam talian samada segerak atau tidak segerak merangkumi sebahagian atau sepenuhnya kandungan kursus dan selari dengan hasil pembelajaran kursus berkenaan. Ia disediakan dalam pelbagai bentuk seperti video, audio, teks, grafik, animasi atau mana-mana gabungan multimedia yang bersesuaian.

ii. Aktiviti pembelajaran dalam talian

Aktiviti pembelajaran disediakan secara dalam talian samada segerak atau tidak segerak dengan merangkumi sebahagian atau sepenuhnya kandungan kursus dan memenuhi keperluan hasil pembelajaran kursus berkenaan. Ia disediakan dalam pelbagai bentuk seperti video, audio, teks, grafik, animasi atau mana-mana gabungan multimedia yang bersesuaian. Aktiviti pembelajaran mengandungi elemen keterlibatan pelajar dan pensyarah kursus berkenaan.

iii. Pentaksiran dalam talian

Mana-mana jenis pentaksiran atau penilaian dalam talian yang sediakan oleh pensyarah untuk menilai pencapaian hasil pembelajaran pelajar. Ia boleh dijalankan secara segerak atau tidak segerak.

iv. Pembelajaran dalam talian

Suatu pembelajaran merangkumi bahan pembelajaran dalam talian, aktiviti pembelajaran dalam talian dan pentaksiran dalam talian. Gabungan ketiga-tiga elemen ini mestilah selari dengan keperluan hasil pembelajaran kursus.

Namun isu yang menjadi persoalan adalah perkembangan teknologi digital dan informasi ini telah mengubah cara hidup manusia yang menyebabkan segala hal menjadi tidak terbatas dan tanpa sempadan. Dalam konteks pendidikan Islam, nilai-nilai adab dan moral, kemanusiaan dan keadilan adalah begitu signifikan namun ledakan teknologi maklumat dan digital dikatakan menghakis nilai-nilai tersebut (Banu & Umi, 2018). Perkembangan IR 4.0 juga dianggap merubah paradigma tradisi Pengajian Islam seperti interaksi akrab antara pelajar dengan pensyarah yang menjadi indikator keberhasilan proses pendidikan selain perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi tersebut tidak diiringi perkembangan ilmu-ilmu Pengajian Islam. Ia lantas menimbulkan persepsi bahawa pengajaran Pengajian Islam memberikan respon yang lambat terhadap perkembangan pengetahuan dan teknologi (Jakaria, 2021). Justeru untuk memastikan penyampaian dan pembelajaran berkesan, pendekatan yang diaplikasikan di Fakulti Pengajian Islam (FIS) juga merangkumi:

- i. Aktiviti berorientasikan pengalaman – melibatkan pendekatan perbincangan berkumpulan, seminar dan sumbang saran
- ii. Aktiviti pembelajaran dan pengajaran berfokuskan pelajar – kuliah, kerja lapangan, kajian kes dan pemerhatian di lapangan
- iii. Ruang pembelajaran yang membolehkan pelajar mengintegrasikan ilmu pengetahuan dan penyampaian berkesan melalui pengendalian seminar, kerja lapangan dan lawatan ke agensi berkepentingan

Kesemua pendekatan ini masih mempunyai 'sentuhan spiritual' di antara pensyarah dan para pelajar dalam proses mendidik. Sebagai maklumat tambahan, beberapa pendekatan berpusatkan pensyarah dan pelajar yang bersesuaian akan dibincangkan di sini. Ia termasuklah pendekatan heutagogi (*heutagogy*), pendekatan sibergogi (*cybergogy*) dan pendekatan paragogi (*paragogy*). Pendekatan heutagogi (*heutagogy*) atau pembelajaran penentuan kendiri adalah konsep yang menekankan kaedah pembelajaran kendiri dengan memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka ilmu secara berterusan. Ia melibatkan interaksi persekitaran dan pengalaman yang membawa kepada pertambahan ilmu secara semula jadi (Hase & Kenyon, 2013). Pendekatan ini memberi penekanan kepada bagaimana untuk memperoleh ilmu berbanding memberikan ilmu secara terus kepada pelajar. Blascke & Hase (2012) menyatakan terdapat empat aspek yang perlu ditekankan dalam konsep heutagogi, iaitu; (1) kemahiran penentuan kendiri - mengetahui bagaimana untuk memperoleh ilmu dengan sendiri dan sentiasa melalui proses pembelajaran.; (2) kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan - sikap keterbukaan dalam bekerja secara berkumpulan; (3) kreatif - cekap dalam menyelesaikan masalah kepada situasi yang baru; dan (4) sentiasa positif - amalan sikap positif bagi meningkatkan motivasi diri (Hase & Kenyon, 2013).

Prinsip heutagogi menjelaskan bahawa pelajar berperanan sebagai ejen utama dan pengajar atau pensyarah adalah fasilitator. Seorang pensyarah perlu menekankan pengamalan ajaran Islam dan sentiasa mengingatkan diri untuk meningkatkan ilmu pengetahuan serta kemahiran pengajaran. Oleh kerana objektif utama pendidikan adalah untuk membentuk rohani dan akhlak, maka adalah satu kemestian bagi seseorang pensyarah memiliki personaliti serta sahsiah yang cemerlang untuk membolehkannya mendidik pelajar menuju jalan kesempurnaan dengan berpaksikan keimanan kepada Allah s.w.t (al-Ghazali, t.t, Al-Ghazali, t.t, 1939). Pada masa yang sama, pensyarah perlulah menguasai ilmu pengetahuan yang merujuk kepada ilmu agama yang mencukupi dan mantap. Selain itu, pensyarah juga mesti menguasai isi pelajaran yang hendak diajar selain berkemahiran dalam aspek pedagogi dan penyampaian pengajaran serta pembelajaran.

Manakala pembelajaran berkonsepkan sibergogi (*cybergogy*) adalah satu dimensi baru dalam pedagogi pendidikan yang begitu signifikan. Ia merupakan pendekatan pengajaran pengajaran dan pembelajaran dalam alam maya yang menekankan pembelajaran menerusi teknologi canggih, pembelajaran kolaboratif dan berautonomi yang difokuskan kepada pelajar. Para pelajar tidak lagi bergantung kepada sistem kelas bersemuka sepenuhnya sebaliknya boleh mengakses pembelajaran di mana sahaja tanpa mengira tempat dan masa dengan hanya menggunakan peranti mudah alih. Ia adalah sesuatu yang sangat positif kerana dapat menyemai kreativiti pelajar, daya intelektual dan semangat untuk belajar. Kaedah sibergogi ini turut berkaitrapat dengan kaedah lain pembelajaran paragogi (*paragogy*).

Pembelajaran paragogi (*paragogy*) atau rakan sebaya pula adalah amalan pendidikan melibatkan pelajar berinteraksi dengan pelajar lain untuk mencapai matlamat pendidikan (Corneli & Danoff, 2011). Pembelajaran ini menekankan pendekatan berpusatkan pelajar yang mendorong pelajar untuk berkomunikasi secara aktif dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif dan santai (Merriam, 2001). Metodologi utama bagi kaedah pembelajaran paragogi adalah proses pendidikan yang dihasilkan oleh rakan sebaya. Kaedah pembelajaran seperti ini mendorong pelajar untuk berkongsi maklumat dan meningkatkan strategi pembelajaran serta menambahbaik kemahiran komunikasi mereka. Walaupun pelajar menjadi ejen utama dalam proses pembelajaran, namun mereka juga menjadi penggerak utama kepada pelajar lain mengikut kumpulan masing-masing. Di sinilah letaknya kepentingan perubahan ini kerana

apabila pelajar melangkah ke alam universiti, maka matlamat yang menjadi fokus utama adalah kebolehpasaran graduan yang berilmu, berakhhlak mulia, berdaya maju serta mampu berdaya saing setelah pelajar menamatkan pengajian kelak. Khusus untuk Fakulti Pengajian Islam (FIS) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) mahupun institusi lain yang menawarkan program Pengajian Islam, adalah diharapkan agar para pelajar ini akan menjadi golongan profesional Islam yang menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan umat Islam seluruhnya.

## Penutup

Sebagai penutup, pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Fakulti Pengajian Islam (FIS) mempunyai matlamat dan objektif yang jelas dalam usaha melahirkan graduan berintelektual tinggi berpaksikan Islam sebagai asas pembelajaran utama. Penubuhan Fakulti Pengajian Islam (FPI) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi bukti konklusif bahawa terdapat keperluan dalam meluaskan lagi horizon pemikiran dalam cabang ilmu berkaitan bidang Pengajian Islam di negeri Sabah. Kesediaan Fakulti Pengajian Islam (FIS) dalam usaha menghasilkan pelajar berkebolehan dari pelbagai aspek menunjukkan kewibawaan dan komitmen Fakulti Pengajian Islam (FIS) itu sendiri. Dalam pada itu, penawaran program yang pelbagai dan kaedah pembelajaran kontemporari yang diimplementasikan oleh Fakulti Pengajian Islam (FIS) memberikan peluang kepada para pelajar untuk memantapkan lagi landasan berfikir berteraskan bidang-bidang pilihan mereka. Ringkasnya, penubuhan Fakulti Pengajian Islam (FIS) merupakan anjakan paradigma untuk kemajuan pengajian Islam khususnya di Sabah. Ia sekali gus menjadi platform dalam membina generasi pelapis negara di masa hadapan yang berkemampuan menerapkan nilai-nilai kerohanian serta insaniah dengan memanifestasikan ajaran Islam yang selari dengan arus globalisasi.

## Rujukan

- Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali. (t.t). *Ihya Ulum Al-Din*. Jil. 1. Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali. (1939). *Ihya Ulum Al-Din*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Banu, P. & Umi, T. (2018). Revolusi Industri 4.0 dan Tantangan Perubahan Sosial. *Prosiding SEMATEKSOS 3 'Strategi Pembangunan Nasional Menghadapi Revolusi Industri 4.0'*. Seminar Nasional Teknologi dan Perubahan Sosial 3. 5, 22-27.
- Blaschke, L. M., & Hase, S. (2016). Heutagogy: A Holistic Framework for Creating Twenty-First-Century Self-determined Learners. *Lecture Notes in Educational Technology*.
- Corneli, J. & Danoff, C. J. (2011). Paragogy. *Proceedings of the 6th Open Knowledge Conference*. The 6th Open Knowledge Conference, Berlin, Germany, 30 June-1 July 2011.
- Garis Penduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (*Pembelajaran Dalam Talian*). (2019). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2013). *Self-determined learning: Heutagogy in Action*. UK : Bloomsbury.
- Jakaria, U. (2021). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam di Era Society 5.0. *Jurnal Al-Makrifat*, 6 (2).
- Jerayawara Program Pascasiswazah Fakulti Pengajian Islam. (2023). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah.
- Jerayawara Program Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam. (2023). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah.
- Jerayawara Program Profesional Huffaz AI-Quran (PHQ) Fakulti Pengajian Islam. (2023). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah.

Merriam, S. B. (2001). Andragogy and Self-Directed Learning: Pillars of Adult Learning Theory. In S. B. Merriam (Ed.), *The New Update on Adult Learning Theory: New Directions for Adult and Continuing Education*. San Francisco : Jossey Bass.

Muhammad Nasri, M.,H., Wan Kamal, M., Muhammd Ridhwan, A.B., Noor Shakirah, M.A., Adlina, A.H., & Mohd. Adib, A.M. (2023). *Kajian Impak dan Hala Tuju Program Akademik Bidang Pengajian Islam 2020-2025*. Majlis Dekan-Dekan Pengajian Islam.